

Keng Yaik nasihat ahli beri sokongan padu

Oleh Saufi Hamzah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang melepaskan jawatannya sebagai Presiden Gerakan, semalam menasihatkan pemimpin dan ahli parti itu supaya memberi sokongan padu dan bantuan sebagai satu pasukan kepada kepimpinan baru.

Beliau yang menerajui Gerakan selama 26 tahun tujuh bulan berkata, sokongan itu penting bagi membolehkan Pemangku Presiden, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon meneruskan kesinambungan perjuangan parti itu.

“Selepas 26 tahun, saya sampai ke penghujung jalan sebagai Presiden Gerakan. Sudah tiba masa saya serahkan baton kepada rakan seperjuangan”

Dr Lim Keng Yaik
Bekas Presiden Gerakan

BH-9/4/2007
“Sekali lagi, saya menyeru semua pemimpin dan ahli parti supaya memberi sokongan tidak berbelah-bagi kepada pemangku Presiden, Dr Koh Tsu Koon,” katanya dalam ucapan terakhir sebagai Presiden Gerakan, di sini, semalam.

Keng Yaik, 68, berucap pada Persidangan Perwakilan Nasional Luar Biasa Gerakan di Dewan Wawasan, Menara PGRM.

Keng Yaik berkata, beliau gembira kerana Koh yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang kini terus menegakkan tradisi kepemimpinan Gerakan dan membawa lebih banyak pembangunan ke Pulau Pinang.

“Selepas 26 tahun, saya sampai ke penghujung jalan saya sebagai Presiden Gerakan. Sudah tiba masa saya menyerahkan baton kepada rakan seperjuangan dan saya ingin mengingati saudara saudari bahawa perjalanan parti belum tamat.

“Aristotle pernah berkata, seseorang itu patut memastikan suluh berkenaan menyala terang sebelum menyerahkannya kepada orang berikutnya. Saya berharap saya sudah dapat melaksanakan perkara ini,” katanya.

Walaupun pada hari terakhir, Keng Yaik masih sempat bergurau apabila memulakan ucapannya dengan me-

negur Speaker persidangan yang memberitahu cadangan resolusi menerima persaraannya dan pelantikan sebagai Penasihat Nasional.

“Bagilah peluang saya berucap sebelum membuat cadangan. Anda mahu saya pergi...,” katanya dengan disambut gelak ketawa daripada barisan Jawatankuasa Pusat parti dan ahli di dalam dewan.

Selepas itu, pada kira-kira jam 1.42 petang, Keng Yaik menyerahkan buku *Perlembagaan Gerakan* dan buku *Mencipta Semula Gerakan* kepada Koh sebagai simbolik penyerahan tugas sebagai presiden parti berkenaan.